

## **BAB IV**

### **TAHAP LITERASI POLITIK DAN KERENGGANGAN TERHADAP PARTI: TINJAUAN TERHADAP DATA-DATA SURVEI SEBELUM PRU 12**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini memeriksa kondisi yang menyebabkan berlaku perubahan ketara dalam corak perubahan pengundian semasa PRU 12, khususnya di tiga negeri paling membangun sebelah pantai Barat Semenanjung, iaitu Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Di tiga negeri ini BN gagal mempertahankan kemenangan pada peringkat kerajaan negeri. Dua parti daripada Pakatan iaitu DAP dan PKR mencatatkan kemenangan besar dalam PRU 12 di negeri-negeri ini. Analisis terhadap data-data survei yang dilakukan pada peringkat negara dan dua negeri maju di sebelah pantai barat (Selangor dan Pulau Pinang) menunjukkan beberapa trend seperti berikut: 1) tahap pendidikan dan literasi politik di kalangan pengundi semakin meningkat, 2) majoriti responden tidak puas hati dengan keadaan ekonomi, 3) majoriti responden menyatakan tadbir urus bermasalah, 4) populariti Pak Lah, walaupun masih tinggi, tetapi semakin menurun menjelang 2008 dan 5) peratusan pengundi yang akan mengundi berasaskan parti semakin menurun, khususnya di kalangan pengundi dengan latar belakang kelas menengah.

#### **4.2 Kerenggangan di Kalangan Pengundi Semasa PRU 12**

Semasa PRU 11, BN menang 64 peratus undi popular, tetapi pada tahun 2008, undi popular yang diterima oleh BN merosot kepada 50 peratus sahaja. Di Semenanjung

sahaja, undi popular BN ialah sebanyak 48.9 peratus, sama peratusannya dengan undi popular ketiga-tiga parti pembangkang sekiranya dicampurkan (Brown, 2008: 742). Dari segi kerusi parlimen, penguasaan BN merosot kepada 140 semasa PRU 12 berbanding dengan 193 kerusi semasa PRU 11.


Jadual 4.1: Keputusan PRU 12 bagi kerusi parlimen

Negeri	Kerusi Dimenangi						% Undi				% Keluar Mengundi	
	BN	PAS	PKR	DAP	Bebas	Total	BN	PAS	PKR	DAP	Bebas	
Johor	25 (26)	0 (9)	0 (9)	1 (6)	0 (1)	26	65.3	9.0	13.3	10.5	1.9	74.2
Kedah	4 (15)	6 (8)	5 (7)	—	—	15	46.8	27.4	25.8	—	—	77.5
Kelantan	2 (14)	9 (11)	3 (3)	—	0 (2)	14	44.7	45.1	9.9	—	0.3	82.6
Kuala Lumpur	1 (11)	1 (1)	4 (5)	5 (5)	0 (1)	11	37.9	3.6	23.4	34.9	0.1	73.5
Melaka	5 (6)	0 (1)	0 (3)	1 (2)	—	6	57.4	3.2	21.1	18.2	0.0	77.1
Negeri Sembilan	5 (8)	0 (3)	1 (3)	2 (2)	0 (1)	8	54.7	9.4	16.0	19.7	0.2	74.8
Pahang	12 (14)	0 (6)	2 (6)	0 (2)	—	14	59.5	15.8	20.0	4.7	—	75.0
P. Pinang	2 (13)	0 (2)	4 (4)	7 (7)	0 (1)	13	38.7	5.2	17.3	38.6	0.2	77.6
Perak	13 (24)	2 (7)	3 (10)	6 (7)	0 (2)	24	46.5	10.3	20.5	22.5	0.2	71.0
Perlis	3 (3)	0 (3)	—	—	—	3	60.1	39.9	—	—	—	78.8
Selangor	6 (23)	4 (8)	9 (11)	4 (4)	0 (2)	23	44.4	14.6	27.3	13.4	0.3	75.3
Terengganu	7 (8)	1 (6)	0 (2)	—	0 (1)	8	55.1	33.5	11.2	—	0.2	83.5
S. Malaysia	85 (165)	23 (65)	31 (63)	26 (35)	0 (12)	165	49.8	16.6	19.1	14.1	0.4	76.0
Sabah	25 (26)	0 (1)	0 (21)	1 (5)	0 (13)	26	61.9	0.2	26.0	6.1	5.8	67.1
Sarawak	30 (31)	0 (1)	0 (11)	1 (7)	0 (11)	31	64.4	0.6	7.5	20.6	6.8	65.2
Malaysia Timur	55 (57)	0 (2)	0 (32)	2 (12)	0 (24)	57	63.2	0.4	16.8	13.3	6.3	66.1
MALAYSIA	140 (222)	23 (67)	31 (95)	28 (47)	0 (36)	222	51.5	14.5	18.8	14.0	1.2	74.5

Nota: Jumlah dalam kurungan bagi kolumn 2-6 ialah bilangan kerusi ditandingi.

Sumber: SPR

Jadual 4.1 di atas menunjukkan elemen pembangunan dan pola kemenangan parti-parti bertanding semasa PRU 12. BN menang di kawasan semi urban seperti Johor, Perak, dan kawasan kurang membangun seperti Pahang, Terengganu, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak (106 daripada 140 kerusi dimenangi). Di Kedah dan Kelantan, pesaing utama kepada BN ialah PAS. Sebanyak 15 daripada 23 kerusi yang dimenangi PAS terdapat di dua negeri ini. Bagi negeri yang agak maju di Semenanjung seperti Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Perak, DAP menang sebanyak 22 daripada keseluruhan 28 kerusi dimenangi seluruh negara. PKR mencatatkan kemenangan sebanyak 20 dari keseluruhan 31 kerusi yang dimenangi pada peringkat negara. Pola pengundi ini memperlihatkan semakin maju negeri tersebut, pengaruh DAP dan PKR semakin meningkat, kecuali di Johor.



Rajah 4.1: Perbandingan peratus undi popular BN antara PRU 11 dan PRU 12 mengikut komposisi kaum

Sumber: Brown (2008: 743)

Rajah 4.1 di atas menunjukkan pola pengundian mengikut etnik antara PRU 11 dan PRU 12. Semasa PRU 11, BN memperolehi peratusan undi yang secara puratanya melebihi 60 peratus bagi kawasan parlimen campuran (40-79 peratus pengundi Melayu). Di kawasan parlimen majoriti Melayu (seperti Kelantan, Kedah dan Perlis) peratusan undi BN agak merosot (hanya Terengganu kekal tidak berubah). Di kawasan majoriti Cina, sokongan kepada DAP semakin tinggi berbanding parti-parti komponen BN seperti MCA, MIC dan Gerakan.

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan peralihan undi mengikut etnik di Semenanjung Malaysia antara PRU 11 dan 12 mengikut kumpulan etnik. Kumpulan etnik India dan Cina mencatatkan peralihan undi yang paling tinggi, iaitu 58.5 peratus dan 21.7 peratus. Sementara itu pengundi Melayu pula mencatatkan peralihan yang sekitar 4.6 peratus.

Jadual 4.2: Anggaran regresi penentu peralihan undi mengikut etnik di Semenanjung Malaysia, 2008

	Peratus Anggaran Kemungkinan Peralihan Kepada Parti Pembangkang	95% Selang Keyakinan	Peratus Pengundi
Pengundi Melayu	4.6	3.4-5.9	61.6
Pengundi Cina	21.7	19.6-23.8	30
Pengundi India	58.5	50.6-66.4	7.6
Lain-lain Pengundi	-18	58.8-22.9	0.8
R2	0.86		
N	421		

Sumber: Brown (2008: 743)

Kemerosotan undi kepada BN semasa PRU 12 adalah kerana berlaku peralihan yang tinggi di kalangan pengundi Cina dan India yang tidak puas hati dengan beberapa polisi kerajaan (Brown, 2008: 743).

### 4.3 Pembangunan dan Peralihan Undi: Analisis Data Aggregat

Selangor, Perak dan Pulau Pinang merupakan tiga negeri yang banyak mencatatkan peralihan undi yang agak besar. Peralihan undi bagi kerusi parlimen di Selangor menyaksikan BN kehilangan sebanyak 17 kerusi parlimen yang dimenangi semasa PRU 11 (jadual 4.3). Bagi kerusi DUN pula, prestasi BN merosot daripada 54 kerusi (PRU 11) kepada 20 kerusi dan berlaku peralihan kerajaan di Selangor kepada Pakatan.

Jadual 4.3: Perbandingan PRU 2004 dan 2008 bagi kerusi Parlimen di Selangor


Negeri	Kerusi Dimenangi						% Undi					% Keluar Mengundi
	BN	PAS	PKR	DAP	Lain-lain	Total	BN	PAS	PKR	DAP	Bebas	
Selangor 2004	22 (22)	0 (9)	0 (7)	0 (4)	0 (1)	22	65.6	14.5	12.4	7.1	0.1	70.0
Selangor 2008	5 (22)	4 (7)	9 (11)	4 (4)	0 (2)	22	44.4	14.6	27.3	13.4	0.3	75.3

Jadual 4.4: Perbandingan PRU 2004 dan 2008 bagi kerusi DUN di Selangor

Negeri	Kerusi Dimenangi						% Undi					% Keluar Mengundi
	BN	PAS	PKR	DAP	Lain-lain	Total	BN	PAS	PKR	DAP	Bebas	
Selangor 2004	54 (56)	0 ()	0 (7)	0(2)	0(0)	56	63.8	11.5	12.5	9.9	0.3	71
Selangor 2008	20 (56)	8 (20)	(11)	13 (15)	0 (5)	56	45	18	20	17	0.1	76


Sumber: SPR

Rajah 4.2 dan 4.3 di bawah menunjukkan peralihan peratusan undi popular yang diterima oleh BN pada peringkat parlimen dan DUN semasa PRU 11 dan PRU 12. Undi popular BN peringkat parlimen jatuh kepada 44.85 peratus semasa PRU 12,



Rajah 4.2: Peratus undi popular BN bagi kerusi parlimen di Selangor

Sumber: SPR



Rajah 4.3: Peratus undi popular BN bagi kerusi DUN di Selangor

Sumber: SPR

berbanding dengan 65.7 peratus semasa PRU 11. Prestasi BN di kawasan parlimen dan DUN campuran amat merosot. UMNO menang hanya 4 daripada 10 kerusi parlimen yang ditandinginya, manakala rakan bukan Melayu kalah semua kecuali MCA di parlimen Pandan. Lima daripada 22 kerusi parlimen (Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjung Karang, Sepang) merupakan kawasan majoriti Melayu dan terletak di luar bandar.

#### **4.4 Modenisasi dan Kerenggangan Politik**

Perbincangan dalam sub topik ini dilakukan berpandukan tinjauan pendapat dan data-data survei yang telah dilakukan antara tahun 2004 hingga 2008 pada peringkat negara dan data yang dikutip pada tahun 2007 di dua kawasan parlimen, iaitu di Petaling Jaya Utara (PJU), Selangor dan Bukit Gelugor, Pulau Pinang.

#### **4.4.1 Tahap Pendidikan Pengundi Semakin Meningkat**

Data-data survei yang dilakukan sebelum PRU 12 menunjukkan tahap pendidikan di kalangan pengundi di negara ini semakin meningkat. Dalam kajian yang dilakukan pada bulan Mac 2004 yang melibatkan 1,511 responden di seluruh negara, sebanyak 20 peratus responden memiliki pendidikan pada tahap diploma dan ijazah. Peratusan tersebut meningkat kepada 33 peratus semasa kajian pada Februari 2008 (Syed Arabi Idid, 2011: 119)

Kajian yang dilakukan di PJU, Selangor terhadap 235 orang responden mendapati 40 peratus responden Melayu memiliki tahap pendidikan peringkat diploma dan ijazah. Di kalangan bukan Melayu, peratusan tersebut semakin tinggi iaitu 56 peratus bagi pengundi Cina dan 49 peratus di kalangan pengundi India (INSAP, 2007: 73). Semakin jauh daripada bandar Kuala Lumpur, peratusan kelas menengah menjadi semakin kecil. Ini ditunjukkan dalam kajian yang dilakukan di Bukit Gelugor, Pulau Pinang terhadap 212 orang responden. Mengikut kumpulan etnik, sebanyak 17 peratus responden dari etnik Melayu memiliki Diploma dan Ijazah. Sementara bagi responden Cina, sebanyak 26 peratus daripada responden memiliki Diploma dan Ijazah. Sementara itu, didapati tiada seorang pun responden India dalam kajian ini yang memiliki Diploma atau Ijazah (INSAP, 2011: 122).

Data-data ini menunjukkan tahap literasi umum di kalangan pelbagai etnik di Malaysia semakin tinggi pada tahun 2008 berbanding dengan empat tahun sebelum itu berikutan arus pembangunan dan modenisasi yang diperkenalkan dengan pesat semenjak dekad 80an lagi. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan dalam tahap literasi politik. Tahap pendidikan menyebabkan kemahiran masyarakat

mendapat maklumat politik semakin tinggi. Contohnya, pada tahun 2004, jumlah langganan dan kadar penembusan jalur lebar di Malaysia ialah sebanyak 0.9 juta orang. Tetapi pada tahun 2008, angka tersebut meningkat kepada 6.2 juta orang (dipetik daripada Syed Arabi Idid, 2011: 78). Pada tahun 2004, peratusan pengundi yang tidak mempercayai televisyen dan akhbar ialah sebanyak 5 dan 11 peratus. Tetapi angka tersebut meningkat kepada 12 dan 13 peratus semasa Mac 2008 (m.s.84).

#### **4.4.2 Keadaan Ekonomi dan Kadar Jenayah Sebagai Masalah Utama**

Dalam kajian yang dilakukan pada tahun 2004, masalah utama yang dinyatakan oleh responden ialah ekonomi, iaitu sebanyak 28 peratus. Pada tahun 2008, masalah utama yang dinyatakan masih juga ekonomi tetapi kali ini dengan peratusan yang lebih besar, iaitu 33 peratus (Syed Arabi Idid, 2011: 124-125). Dalam satu tinjauan pendapat yang dijalankan oleh Merdeka Center pada bulan Mac 2007, 34 peratus responden menyatakan ekonomi sebagai masalah utama, 13 peratus menyatakan masalah jenayah dan sebanyak 16 peratus lagi menyatakan masalah hubungan etnik (Tan dan Lee, 2008: 109).

Kajian yang dilakukan di PJU Selangor menunjukkan 49 peratus responden tidak puas hati dengan keadaan ekonomi (INSAP, 2011: 68). Bagi responden di Bukit Gelugor, Pulau Pinang pula, 56 peratus tidak puas hati dengan keadaan ekonomi (m.s. 117). Peratusan yang kecil ini menunjukkan bahawa kesan kenaikan harga barang lebih dirasai oleh golongan kelas pekerja berbanding dengan kelas menengah.

#### **4.4.3 Masalah Urus Tadbir**

Majoriti responden yang dikaji di PJU, Selangor menyatakan tidak puas hati dengan infrastruktur (jalan raya, kesesakan lalu lintas), kadar jenayah dan masalah sosial. Sebanyak 89 peratus responden tidak berpuas hati dengan perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Isu yang sama dinyatakan oleh responden di Pulau Pinang (INSAP, 2007: 69 dan 118)

#### **4.4.4 Populariti Abdullah Badawi Merosot**


Kajian tahun 2004 menunjukkan responden yang puas hati dengan kepimpinan Abdullah Hj. Ahmad Badawi ialah sebanyak 67 peratus. Peratusan tersebut menurun kepada 65 peratus pada tahun 2008 (Syed Arabi Idid, 2011: 130). Di Selangor (PJU), responden yang berpuas hati dengan dengan kepimpinan Abdullah Badawi ialah sebanyak 61 peratus pada tahun 2007, dan di Pulau Pinang (Bukit Gelugor), peratusannya agak kecil, iaitu sebanyak 56 peratus (INSAP, 2007: 70 dan 119)

#### **4.4.5 Parti Sebagai Asas Membuat Pilihan Semakin Menurun**

Kajian secara ‘longitudinal’ yang dilakukan oleh Syed Arabi memperlihatkan bahawa pengundi di Malaysia semakin renggang dengan parti-parti politik dan ini dicerminkan menerusi asas kepada pengundian mereka yang tidak lagi berdasarkan ‘parti’, tetapi adalah berdasarkan ‘calon’. Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem parlimen, pengundi dididik oleh parti-parti politik untuk memilih ‘parti’ dan bukannya ‘calon’. Ini

adalah kerana pengundi tidak mempunyai maklumat tentang siapa ‘calon’ yang diletakkan oleh ‘parti’ sehinggalah pada hari penamaan calon. Oleh itu, sekiranya pengundi yang ditemui menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan ‘calon’, ini bermakna mereka tidak akan memberi undi kepada penyandang.

Data-data survei yang dilakukan pada tahun 2001 dan sebelum PRU 2008 menunjukkan pengundi di Malaysia yang akan mengalihkan undi mereka kepada parti-parti tertentu semakin besar jumlahnya (rajah 4.4). Diantara tahun 2001 dan 2002, Syed Arabi mendapati 57 peratus responden menyatakan asas pengundian mereka ialah ‘parti’. Tetapi responden yang menyatakan asas kepada pengundian ialah ‘calon’ telah meningkat kepada 38 peratus pada tahun 2001 dan 42 peratus pada tahun 2002.




Rajah 4.4: Asas pilihan pengundi antara tahun 2001 hingga 2008

Sumber: Syed Arabi Idid, 2012

Pada tahun 2004, 78 peratus responden menyatakan mereka akan mengundi berdasarkan ‘parti’ berbanding dengan ‘calon’. Pada tahun 2008, responden yang mengundi berdasarkan ‘parti’ menurun kepada 60 peratus. Sekiranya peratusan pengundi yang mengundi berdasarkan ‘parti’ adalah tinggi, Syed Arabi mendapati potensi BN


untuk menang adalah tinggi. Dan sekiranya peratusan responden yang mengundi berasaskan ‘calon’ semakin tinggi, itu bermakna pengundi akan menolak BN.



Rajah 4.5: Asas pilihan pengundi mengikut etnik 2004 dan 2008

Sumber: Syed Arabi Idid, 2012

Dari segi etnik (rajah 4.5), pada tahun 2004, pengundi India didapati paling tinggi yang menyatakan kesediaan mengundi berdasarkan ‘parti’ (82 peratus), diikuti oleh Cina dan Melayu (79 dan 77 peratus). Tetapi pada tahun 2008, pengundi Melayu mencatatkan peratusan paling rendah menyatakan asas pengundian mereka adalah ‘parti’, iaitu 58 peratus. Pengundi Cina dan India yang menyatakan asas pilihan ialah ‘parti’ juga merosot kepada 61 dan 60 peratus pada tahun 2008. Pada tahun 2008, kesemua etnik mencatatkan kenaikan dalam aspek ‘calon’ sebagai asas pengundi mereka. Paling tinggi ialah etnik Melayu (41 peratus), diikuti oleh Cina dan India (39 dan 36 peratus).



Rajah 4.6: Asas pilihan pengundi mengikut umur


Sumber: Syed Arabi Idid, 2012

Dari segi umur dan kumpulan etnik (rajah 4.6), pada tahun 2004 boleh dikatakan hampir semua pengundi muda yang berumur bawah 35 tahun menyatakan asas pengundi mereka ialah ‘parti’. Tetapi pada tahun 2008, pengundi muda bawah 35 tahun yang menyatakan ‘parti’ sebagai asas pilihan mereka semakin menurun. Bagi kategori pengundi bawah 35 tahun, pengundi India (25 peratus antara tahun 2004 dan 2008) dan Cina (24 peratus antara tahun 2004 dan 2008).

Bagi pengundi dalam kategori umur antara 36 hingga 50 tahun, pengundi Melayu dan Cina mencatatkan peratus penurunan paling tinggi iaitu masing-masing sebanyak 19 dan 18 peratus antara tahun 2004 dan 2008. Sementara bagi pengundi dalam kategori 51 tahun dan ke atas, pengundi India mencatatkan peralihan yang agak tinggi, iaitu sebanyak 28 peratus.


#### **4.4.6 Asas Pilihan Pengundi di Selangor dan Pulau Pinang Sebelum PRU 12**

Data survei di Selangor (PJU) pada tahun 2007 menunjukkan peratus pengundi Melayu yang akan mengundi berasaskan parti agak rendah iaitu 54 peratus. Pengundi Cina dan India pula masing-masing 54 dan 27 peratus (rajah 4.7). Ini menunjukkan bahawa di kalangan semua kumpulan etnik, peratusan untuk mengundi berasaskan calon berada di bawah 60 peratus dan ini menunjukkan semua kumpulan etnik, terutamanya pengundi India didapati tidak puas hati dan berpotensi tinggi melakukan peralihan undi memandangkan penyandang di kawasan ini ialah daripada parti MCA (kerajaan). Perkara ini ternyata berlaku semasa PRU 2008, dimana kerusi parlimen PJU dan kerajaan Selangor tewas kepada pembangkang.



Rajah 4.7: Asas pilihan pengundi mengikut etnik di Selangor 2007

Sumber: INSAP, 2007



Rajah 4.8: Asas pilihan pengundi mengikut etnik di Pulau Pinang 2007

Sumber: INSAP, 2007

Rajah 4.8 di atas menunjukkan asas pengundian yang diberikan oleh pengundi daripada pelbagai kumpulan etnik di Pulau Pinang (Bukit Gelugor). Didapati kesemua kumpulan etnik, kecuali Cina, memberikan peratusan yang tinggi terhadap parti sebagai asas pengundian. Memandangkan kawasan ini diwakili oleh DAP semasa 2004. Situasi tersebut menunjukkan majoriti pengundi berpuas hati dengan penyandang yang ada dan semasa PRU 2008, kawasan parlimen ini kekal di bawah DAP.

Perbincangan dari segi asas pilihan pengundi, iaitu parti atau calon, angkubah yang dibina oleh Syed Arabi Idid dalam menjangkakan peralihan undi mempunyai perhubungan yang signifikan terhadap kes PJU dan Bukit Gelugor. Lebih penting lagi, kajian yang dilakukan oleh INSAP jelas menunjukkan bahawa terdapat sekumpulan besar pengundi daripada kesemua etnik yang tidak lagi terikat dengan ‘parti’ dan keputusan mereka dalam mengundi ditentukan oleh perkiraan lain, khususnya bagi kawasan yang terdapat ramai pengundi kelas menengah seperti di PJU, Selangor. Bagi kawasan yang mana kelas menengah agak kecil seperti di Bukit Gelugor, Pulau Pinang, didapati asas kepada pengundian masih lagi berdasarkan kepada parti.

#### **4.5 Rumusan Bab**

Perbincangan dalam bab ini menunjukkan peralihan undi yang berlaku pada peringkat negara semasa antara PRU 11 dan PRU 12 disumbangkan oleh pengundi yang berada di kawasan parlimen campuran, pengundi bandar dan semi urban, melibatkan hampir semua kumpulan etnik utama. Daripada penelitian terhadap data-data survei, antara kondisi yang membolehkan peralihan undi tersebut berlaku ialah kerana tahap pendidikan pengundi semakin tinggi dan ini dicerminkan oleh bilangan kelas menengah semakin besar berikutan kemajuan dan proses modenisasi yang dialami oleh negara semenjak lebih tiga dekad yang lalu.

Tahun 2004 dan 2008 juga menyaksikan penetrasi internet semakin bertambah banyak dan kesemua ini, termasuk perkembangan yang dibincangkan dalam bab III sebelumnya, menunjukkan bahawa tahap literasi politik pengundi daripada pelbagai latar belakang etnik di Malaysia. Oleh yang demikian, pengundi yang mengundi berdasarkan ‘parti’ semakin berkurangan menjelang PRU 2008. Pengundi yang memilih berdasarkan penilaian terhadap prestasi kerajaan, isu-isu utama dan kepimpinan penyandang menjadi semakin bertambah. Dengan kata lain, kerenggangan politik, khususnya terhadap BN mula dapat dikesan, khususnya di kawasan bandar.